

HARI : ISNIN
TARIKH : 23/3/2020
M/SURAT : 12

Bekalan produk dijangka pulih, sejuta keping tiba hari ini

Kuala Terengganu: Masalah bekalan topeng muka yang kini kehabisan stok di pasaran dijangka pulih apabila lebih sejuta keping produk itu yang diimport tiba mulai hari ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata pembekal diberi kebenaran untuk mengimport topeng muka selepas mendapati bahan itu kehabisan berikutan penularan COVID-19.

Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu menjelaskan, bekalan produk itu kehabisan di seluruh negara sejak awal bulan lalu bukan disebabkan aktiviti menyorok untuk menaikkan harga.

Sebaliknya, jelasnya, hanya lima peratus sahaja topeng muka untuk pasaran dalam negara dan bakinya terpaksa dieksport kepada negara yang mengeluarkan bahan mentah.

"Hasil perjumpaan dengan pengilang dan pengeluar utama topeng muka di negara ini Selasa lalu, kerajaan mengarahkan mereka menambah bekalan untuk pasaran dalam negara antara 20 peratus hingga 35 peratus.

"Pengeluar terpaksa mengeks-

port topeng disebabkan mematuhi perjanjian dengan pengeluar bahan mentah," katanya ketika dihubungi, semalam.

Mengulas dakwaan bekalan bahan itu tidak mencukupi disebabkan kegiatan menyorok barang, Rosol menafikannya sambil menjelaskan, jika ada aktiviti menyorok, sudah tentu berlaku lambakan apabila kerajaan mengumumkan topeng adalah barang kawalan.

"Siasatan unit penguat kuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati pembelian secara panik menyebabkan topeng muka kehabisan stok.

"Harga topeng ditetapkan kerajaan RM2 sekeping dan jika ada peniaga menjual bahan itu melebihi harga ditetapkan, mereka akan dikenakan tindakan mengikut Seksyen 11, Akta Kawalan Harga Dan Antipencutan 2011," katanya.



Bekalan produk kehabisan di seluruh negara sejak awal bulan lalu bukan disebabkan aktiviti sorok untuk naikkan harga.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna